



MyGDI

NEWSLETTER

Edisi 3/2020

www.mygeoportal.gov.my facebook.com/PGNKeTSA

KANDUNGAN

Halaman 1

ANDA KINI BERADA DI DAERAH DAN MUKIM YANG MANA?

Halaman 2 dan 3

IMBASAN MESUARAT DI PERINGKAT TEKNIKAL MyGDI

Halaman 4

DAPATKAN NASKHAH DIGITAL BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (BGSA) EDISI 2020

ANDA KINI BERADA DI DAERAH DAN MUKIM YANG MANA?

Unique Parcel Identifier (UPI)

Negeri


07 PULAU PINANG

Daerah

04 DAERAH TIMOR LUAT

Mukim/Bandar/Pekan

01 MUKIM 13



Unique Parcel Identifier atau lebih mudah dipanggil sebagai **UPI** merupakan salah satu inisiatif Pusat Geospasial Negara yang dapat membantu anda untuk mengenal pasti kedudukan daerah dan mukim dalam negeri di Malaysia.

Antara peranan yang dimainkan oleh UPI pada masa kini ialah ianya menjadi rujukan umum untuk mengenal pasti daerah dan mukim yang terkesan dengan kes COVID-19.

UPI juga boleh dijadikan rujukan lokaliti bersama arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Jom cuba aplikasi UPI:



APLIKASI
UPI

<https://mygos.mygeoportal.gov.my/upi/>

Nota: Sebanyak 97,000 pengguna telah mendapat manfaat daripada aplikasi UPI (sehingga November 2020).

IMBASAN MESYUARAT DI PERINGKAT TEKNIKAL MyGDI


Terdapat empat (4) jawatankuasa yang bertanggungjawab di bawah Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) berkaitan status kemajuan pelaksanaan di peringkat teknikal MyGDI iaitu Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM), Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM), Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI (JTCM) dan Jawatankuasa Teknikal Marin MyGDI (JTMM). Keempat-empat jawatankuasa ini telah selesai bermesyuarat pada tahun ini dan seterusnya laporan jawatankuasa teknikal bakal dikemukakan di peringkat Mesyuarat JPMK yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU KeTSA.



TARIKH: 5 November 2020

TEMPAT: Dalam Talian

PENGERUSI: Laksamana Muda Dato' Hanafiah bin Hassan, Ketua Pengarah Hidrografi,
Pusat Hidrografi Nasional



TARIKH: 26 November 2020

TEMPAT: Dalam Talian

PENGERUSI: Sr Sohaime bin Hj Rasidi, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II,
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

IMBASAN MESYUARAT DI PERINGKAT TEKNIKAL MyGDI

JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD MyGDI (JTSM)




TARIKH: 1 Disember 2020

TEMPAT: Dalam Talian

PENGERUSI: Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Pengarah Pusat Geospatial Negara

JAWATANKUASA TEKNIKAL CLEARINGHOUSE MyGDI (JTCM)



TARIKH: 1 Disember 2020

TEMPAT: Dalam Talian

PENGERUSI: Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Pengarah Pusat Geospatial Negara

PGN selaku penyelaras MyGDI ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang telah memberikan pendapat, sokongan dan kerjasama dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 terutamanya mesyuarat di peringkat teknikal MyGDI.

Kejayaan kolaborasi bersama semua pihak berkepentingan adalah tunjang bagi memastikan objektif MyGDI tercapai.

DAPATKAN NASKHAH DIGITAL BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (BGSA) EDISI 2020

Pusat Geospatial Negara (PGN), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) selaku penyelaras Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI) telah menerbitkan naskhah percuma Buletin Geospatial Sektor Awam (BGSA) secara tahunan. BGSA menyenarkan artikel yang menarik daripada pengamal geospatial di Malaysia serta melaporkan berita pelaksanaan, perkembangan serta perancangan berkaitan MyGDI sepanjang tahun semasa.

Eksklusif dalam BGSA Edisi 2020 kali ini: "**Geospatial vs COVID-19**"

Sila imbas QR code di bawah untuk mendapatkan naskhah digital BGSA Edisi 2020:



#MalaysiaMembaca #MyGDI #BGSA2020

Diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156
FAKS: 03-8889 4851
LAMAN WEB: www.mygeoportal.gov.my



KEMENTERIAN
TENAGA DAN SUMBER ASLI